

07/02/1997

## Kajian semula kurikulum pendidikan Islam

KUALA LUMPUR, Khamis - Cadangan kerajaan mengkaji semula pendekatan kurikulum pendidikan Islam bagi membentuk ketahanan dalaman diri remaja dan mengatasi masalah sosial dialu-alukan pelbagai pihak.

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam (Ikim), Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata kurikulum dan pendekatan pendidikan Islam wajar dikaji semula bagi membentuk remaja yang mempunyai perasaan takut kepada Allah dan bertanggungjawab kepada agama.

"Dalam masa sama masyarakat perlu menjadi model kepada generasi muda terutama mereka yang rapat dengan golongan itu seperti ibu bapa dan guru," katanya.

Beliau mengulas cadangan kerajaan mengkaji semula kurikulum dan pendekatan pendidikan Islam kerana dilihat tidak berkesan kepada pelajar Islam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menghadiri Perjumpaan Khas Mengenai Gejala Sosial berkata penilaian ke atas sistem pendidikan agama adalah satu daripada cadangan kerajaan sebelum merangka strategi bersepadu mengatasi gejala sosial.

Dr Ismail berkata, kurikulum Islam kini sudah mempunyai komponen pendidikan agama yang diperlukan dan menjadi asas kepada ajaran Islam seperti pelajaran akidah, feqah dan ibadah.

"Namun ia perlu dikaji supaya pendidikan itu sesuai dengan perkembangan semasa selaras pertumbuhan ilmu, masalah semasa dan isi kandungan pendidikan itu.

"Selain itu, metodologi pendidikan haruslah dapat menarik minat pelajar mempelajari pelajaran agama dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka seharian," katanya.

Menurutnya, pendidikan agama perlu dihubungkan dengan realiti semasa kerana remaja kini suka pelajaran yang ada hubungan dengan akal dan boleh difikirkan.

"Amalan ritual hendaklah menjadi teras pendidikan kerana ia adalah asas pendidikan Islam namun ia perlu ditambah dengan falsafah dan rahsia sesuatu mengapa sesuatu ibadah itu perlu dilakukan," katanya.

(END)